

26 FEB 1999

Wan Azizah-Kubang Pasu

WAN AZIZAH MUNGKIN TANDING DI KUBANG PASU

JITRA, 26 Feb (Bernama) -- Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail tidak menolak kemungkinan beliau bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang.

"Soal saya tanding di mana...kalau orang Kubang Pasu nak saya tanding di Kubang Pasu, apa salahnya.

"Itu pengundi akan tentukan," kata isteri bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berceramah di markas PAS di Kampung Tok Kesop di sini malam tadi yang dihadiri beribu-ribu orang.

Kerusi parlimen Kubang Pasu kini dipegang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Wan Azizah berkata soal beliau bertanding di kawasan itu hanya suatu kemungkinan sahaja.

Ditanya atas tiket apa beliau akan bertanding, Wan Azizah berkata: "Itu rahsia."

Dr Wan Azizah tidak diketahui menganggotai mana-mana parti politik tetapi mengetuai Adil, sebuah pergerakan keadilan sosial.

Presiden PAS Datuk Fadzil Noor ketika ditanya pemberita mengenai perkara itu berkata, PAS akan menyokong Dr Wan Azizah di mana sahaja beliau bertanding.

"Beliau boleh bertanding atas mana-mana tiket sahaja. Kalau dia bertanding di Kubang Pasu, PAS tidak akan meletakkan calonnya di situ," katanya.

Ucapan Dr Wan Azizah menyentuh antara lain penangkapan suaminya, kecederaan yang didakwa dialami Anwar semasa dalam tahanan polis dan jasa Anwar kepada rakyat semasa dalam Kabinet dahulu.

Yang turut berucap ialah bekas ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan, Ruslan Kassim.

-- BERNAMA

JM NMO